

Ambrin dilantik Ketua Audit Negara

21 Februari 2006 (Selasa)

KUALA LUMPUR
20 Feb. - Yang di-Per-tuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berkenan melantik Ketua Setia-usaha Kementerian Pelajaran,



Tan Sri Ambrin Buang (**gambar**) sebagai Ketua Audit Negara yang baru berkuat kuasa Khamis ini.

Seri Paduka juga berkenan melantik bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Tiga tahun

Pelantikan itu berkuat kuasa untuk tempoh tiga tahun mulai tarikh beliau mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah setia.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dalam satu kenyataan berkata, pelantikan Ambrin, 60, adalah bagi menggantikan Ketua Audit Negara sekarang Tan Sri Dr. Hadenan Abdul Jalil yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 22 Februari.

Pelantikan Jamaluddin pula bagi menggantikan Datuk Abdul Wahab Adam yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi SPA pada akhir bulan ini.

Ambrin dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran pada 1 Oktober 2001 dan bersara wajib pada 23 Mac 2005. Beliau dilantik semula ke jawatan itu secara kontrak selama setahun selepas bersara wajib.

Jamaluddin, 56, pula bersara wajib sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 15 Jun 2004 tetapi dilantik semula ke jawatan yang sama secara kontrak untuk tempoh setahun.